

Indonesia

Demokrasi Indonesia Ala Sukarno

(5)

Tinjauan risalah “Demokrasi Kita”

Karangan Dr. Hatta

(Oleh : Aria Jembel)

Kita teruskan dengan akhir huraian bekas Naib Presiden Republik Indonesia, Dr. Mohammad Hatta, dalam risalahnya yang bernama “Demokrasi Kita”, itu, demikian bunyinya :

Demokrasi Hilang Sementara

“Di atas dasar Pancasila itu sebagai cita-cita negara direncanakan Undang-undang Dasar yang menjadi sendi politik negara dan politik pemerintah, yang dapat dibanding setiap waktu oleh Dewan Perwakilan Rakyat yang dipilih oleh rakyat menurut hak pilih yang bersifat umum dan berkesamaan.

Dalam Undang-undang Dasar 1945 tertulis, bahawa kedaulatan adalah di tangan rakyat, dan dilakukan sepenuhnya oleh Majelis Permesyuaratan Rakyat. Majelis Permesyuaratan Rakyat ini menetapkan undang-undang dasar dan garis-garis besar daripada haluan negara. Ia memilih Presiden dan Wakil Presiden. Ia bersidang sekurang-kurangnya sekali lima tahun. Dalam peraturan ini tersimpul maksud, bahawa pemerintah Indonesia berdasar kepada rencana berkala,

yakni lima tahun. Peraturan tentang Majelis Permesyuaratan Rakyat, yang mempunyai kekuasaan yang tertinggi, menegaskan sekali lagi bahawa Republik Indonesia berdasarkan demokrasi.

Majlis Permesyuaratan Rakyat terdiri atas tiga golongan utusan rakyat. Pertama, Dewan Perwakilan Rakyat sebagai perutusan politik; kedua, utusan-utusan daerah, yang dimaksudnya menjaga perimbangan antara kepentingan negara seluruhnya dan kepentingan-kepentingan bahagiannya, ketiga, utusan-utusan golongan dalam masyarakat, untuk menjaga supaya berbagi kepentingan ekonomi, sosial, kebudayaan, agama, ilmu dan lain-lain dalam masyarakat dan negara terpelihara dengan sebaik-baiknya. Semangat demokrasi Indonesia ialah demokrasi sosial dan kolektif. Sebab itu mesti ada harmoni dalam pemeliharaan dan politik pemerintah, yang dapat dibanding setiap waktu oleh Dewan Perwakilan Rakyat yang dipilih oleh rakyat menurut hak pilih yang bersifat umum berkesamaan.

Tidak dapat disangkal, bahawa pemimpin-pemimpin parti politik kita dalam masa sepuluh tahun yang akhir ini gagal dalam melaksanakan tugasnya. Mereka lebih banyak mengabaikan dasar-dasar Pancasila dari mentaatinya. Dan akibatnya ialah bahawa Indonesia makin jauh terpisah dari cita-citanya. Sejarah Indonesia sejak sepuluh tahun yang akhir ini seolah-olah mencerminkan apa yang dilukiskan oleh Schiller¹, ertinya: “Suatu masa besar dilahirkan abad, tetapi masa besar itu menemui manusia kecil.”²

Tetapi sejarah memberi pelajaran juga kepada

¹ Merujuk kepada seorang pujangga German, Johann Christoph Friedrich von Schiller.

² Terjemahan daripada ungkapan Schiller, “Eine grosse Epoche hat das Jahrhundert geboren, aber der grosse Moment findet ein kleines Geschlecht”.

manusia. Suatu barang yang bernilai seperti demokrasi baharu dihargai, apabila hilang sementara waktu. Asal bangsa kita mahu belajar dari kesalahannya dan berpegang kembali kepada ideologi negara dengan jiwa yang murni, *in shā'a Allāh*, demokrasi yang tertidur sementara akan bangun kembali.

Liga Demokrasi

Dalam pada itu sudah berdiri suatu gerakan baharu, bernama "Liga Demokrasi", sebagai tentangan kepada pembentukan Dewan Perwakilan Rakyat Gotong-royong oleh Presiden Sukarno. Melihat perkembangan dalam waktu yang singkat ini ia bakal mendapat dukungan dari rakyat yang berjiwa demokrasi dan dari lapisan masyarakat yang cemas melihat kedudukan Parti Komunis Indonesia yang diuntungkan.

Liga Demokrasi dibangunkan oleh orang-orang parti, yang partinya diikuti sertakan oleh Presiden

Sukarno dalam Perwakilan Rakyat Gotong-royong dan yang tidak. Titik pertemuan mereka ialah "membela demokrasi." Jika ditilik benar-benar, persatuan hati itu baharu terdapat dalam "menolak" pembentukan Dewan Perwakilan Rakyat Gotong-Royong yang tidak demokratik. Jadinya dalam pendirian: Negatif!

Soal yang penting iaitu sanggupkah "Liga Demokrasi" menggariskan pendirian bersama untuk membangun suatu demokrasi yang sihat, yang dapat ditempatkan dalam sistem Pancasila? Demokrasi dalam sistem Pancasila bukanlah demokrasi-demokrasi atau "demokrasi" sebagai topeng belaka. Ia adalah demokrasi yang harus "diberkati" oleh Tuhan kita, seperti dihuraikan tadi. Demokrasi kita harus dijalankan dengan perbuatan yang berdasarkan kebenaran, keadilan, kejujuran, kebaikan, persaudaraan dan perikemanusiaan. Syarat utama

Syeikh Abdul Rahman Shubli Sarawak

Syeikh Haji Di Makkah al-Mukarramah

(Telegram: Shubli Mekah)

(Peti surat nombor 188)

Sedia menyambut dan menjaga segala urusan saudara-saudara di Mekah, di Madinah, di Arafah dan Di Mina dengan sepenuh-penuh puas hati. Tambang dan apa-apa perbelanjaan menurut apa yang ditetapkan oleh kerajaan Saudi Arabia, yang sentiasa memelihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sekalian saudara yang mengunjungi Tanah Suci, yang sedia teratur perhubungan secara moden dengan belanja yang murah.

Bersyeikhlah dengan Syeikh Shubli yang berdekatan dengan Masjidil Haram.

Berhubunglah dengan wakil kita :

S. AHMAD MUSTAPHA AL-EDRUS,

d/a 356/358, Geylang Road, Singapore 14.

untuk melaksanakan ini – yang juga berlaku bagi segala demokrasi – ialah adanya keinsafan tentang tanggungjawab dan toleransi dan persediaan hati melaksanakan prinsip “*the right men in the right place*” – orang yang tepat pada tempat yang tepat.

Dalam hal yang pokok-pokok ini untuk melaksanakan demokrasi yang sihat yang kita ciptakan dalam praktik politik dan kenegaraan, “Liga Demokrasi” harus mencapai garis persamaan yang terang dan jika tidak, persatuan dalam pendirian yang negatif tidak akan membuahkannya suatu haluan positif, seperti diperlihatkan oleh sejarah kita yang lampau. Berdasarkan garis persamaan positif itu, dapat disusun suatu program pembangunan negara dan masyarakat, yang dasarnya putusan secara muafakat dan pelaksanaannya dipilih menurut prinsip “*the right men in the right place*”. Ini menghendaki antara golongan-golongan yang bersatu dalam “Liga Demokrasi” percaya-mempercayai dan rasa toleransi yang sebenar-benarnya. Juga suatu “Liga Demokrasi” memerlukan idealisme yang umurnya lebih panjang dari usia manusia.

“Apabila ((Liga Demokrasi)) dapat meletakkan pondamen dan sendi-sendi pokok ini dalam membangun kembali demokrasi Indonesia yang dalam krisis, besar harapan ia dapat menjadi pelopor dalam merintis jalan kembali ke demokrasi Indonesia yang sihat”, demikian ujar Dr. Mohammad Hatta mengakhiri risalahnya yang bernama “Demokrasi Kita” itu.

Maksud rencana saya ini bukanlah hendak memihak ke sebelah mana pun jua dalam hal politik bangsa

Indonesia. Hanya saya bentangkan tulisan Naib Presiden Dr. Mohammad Hatta ini kepada umum, supaya diketahui dan difikirkan bersama guna bangsa Indonesia dan kemakmuran negara Republik Kesatuan Indonesia. Bukanlah keseluruhan isi risalah Dr. Hatta itu bersetuju dengan pendapat saya sendiri dan demikian pula bukanlah keseluruhan pendapat dari Bung Kartawiguna sebagai yang dipaparkannya dalam tajuk rencananya “Bung Karno Bukan Diktator”, seperti yang tertulis dalam majalah ((Sketsa Masa)) nombor nasional menyambut 17 Ogos 1960 itu, seratus persen mendapat sokongan dari saya. Saya sebagai seorang bangsa Indonesia yang berada di luar negeri yang sentiasa meninjau keadaan politik, ekonomi dan sosial dan seluruh perkembangannya. Di tanah air, saya sebagai seorang nasionalis yang tidak memihak kepada parti politik mana sahaja pun, saya nanti akan mengemukakan pula pendapat-pendapat saya dalam hal ini, *in shā’a Allāh* pada keluaran majalah Qalam yang akan datang.

Maka sebelum itu, marilah kita dengar bersama-sama apa pula huraian berikutnya dari saudara Kartawiguna, mengakhiri rencananya dalam majalah “Sketsa Masa” itu :

(Sambungan kutipan dari “Sketsa Masa” – nombor nasional menyambut 17 Ogos 1960 dengan tajuk “Bung Karno Bukan Diktator”)

Sementara Bukti

Bahawa Bung Karno bukan diktator, bahawa Bung Karno tidak menghendaki kekuasaan totaliter, antara lain bisa dikemukakan fakta-fakta sebagai berikut :

Dalam segala kebijaksanaan, presiden dalam hal pemerintahan, tokoh-tokoh dan parti-parti masih selalu diikuti sertakan. Dan parti-parti tidak dibubarkan. Hanya diterbitkan untuk tidak mengacaukan keadaan dengan unsur-unsur liberalisme yang dibawa oleh parti-parti yang banyak-banyak.

Dibentuk lembaga atau badan-badan kenegaraan yang anggota-anggotanya terdiri dari wakil-wakil parti-parti dan organisasi-organisasi serta golongan *functional*.

Usaha presiden dalam singkat-singkatnya untuk melaksanakan kembali Dewan Perwakilan Rakyat dan segera diharapkan mulai bekerja dan diusahakan pula untuk dalam waktu pendek adanya pemilihan umum.

Diusahakannya dalam waktu sependek-pendeknya dibentuknya Majelis Permusyawaratan Rakyat sebagai badan kenegaraan

Khusyukkah Sembahyang Tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa tidak ada harganya” – kata Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

Sujudlah kepada Tuhanmu!

Disusun oleh Edrus
Sebuah buku *Serial* Syarahan 2 yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskhah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.

yang tertinggi yang menentukan negara.

Segala sesuatu yang ditindakan oleh Presiden tersebut tidak menyimpang, justeru untuk melaksanakan Undang-undang Dasar 1945. Bahawa pembentukan semua lembaga-lembaga dan badan-badan kenegaraan itu dilakukan oleh Presiden adalah sesuai dengan aturan peralihan Undang-undang Dasar 1945 Fasal 4: Sebelum Majelis Perwakilan Rakyat, Dewan Perwakilan Rakyat dan Dewan Pertimbangan Agung dibentuk menurut Undang-undang Dasar ini segala kekuasaannya dijalankan oleh Presiden, dengan bantuan sebuah komiti nasional.

Oposisi dan Parti Komunis Indonesia Kecelik

Pihak oposisi atau pihak-pihak yang menentang, yang tidak menyetujui kebijaksanaan Bung Karno menuduh dan memfitnah, bahawa Bung Karno dalam tindakan-tindakannya “menguntungkan” Parti Komunis Indonesia dan kerana memang condong kepada komunis. Tuduhan dan fitnah semacam ini meleset sama sekali. Apa yang dilakukan oleh Bung Karno, Presiden kita adalah benar-benar sepenuhnya untuk kepentingan nasional, untuk mencapai masyarakat adil dan makmur lewat (USDEK) dan manifesto politik dengan Pancasila.

Dengan adanya Dewan Perwakilan Rakyat Gotong-royong yang menghapuskan stem-steman dan proksi-proksian Parti Komunis Indonesia justeru bercepit di antara lain-lain golongan yang ada di dalam Dewan Perwakilan Rakyat – Gotong-royong. Dengan demikian Parti Komunis Indonesia diisolasi di antara lain-lain golongan sehingga tidak berkutik, sempit terbatas ruang Bergeraknya.

Dengan adanya pembentukan “OPPI” atau Organisasi Persatuan Pegawai Indonesia, bagi Parti Komunis Indonesia yang paling utama dan hebat adalah kaum buruh. Ketika kita dan lain-lain masih sibuk-sibuknya menghadapi perjuangan melawan Belanda, Parti Komunis sudah sempat mendahului membentuk Organisasi Buruh, yakni SOBSI. Dan sejak itu SOBSI menjadi alat dan senjata Parti Komunis Indonesia. Dengan terbentuknya OPI, Parti Komunis Indonesia atau kaum Komunis akan kehilangan senjata dan organisasinya, organisasinya yang paling kuat. Komunis Zonder Buruh tidak beda perajurit Zonder senapang.

Sebaliknya tindakan-tindakan Bung Karno tersebut menguntungkan kepentingan nasional. Sebab dengan terbentuknya “OPPI” atau Organisasi Persatuan Pegawai Indonesia, kaum buruh boleh dikendalikan dalam kegiatan-kegiatan mereka dan diawasi sedemikian, sehingga tidak mungkin lagi disalahgunakan oleh parti-parti, terutama Parti Komunis Indonesia.

Bahawa tindakan-tindakan Presiden kita, Bung Karno dirasakan oleh Parti Komunis Indonesia sebagai kebijaksanaan yang merugikan mereka, dapat kita sinyalir dari aksi dan aktivet Parti Komunis Indonesia menghadapi tindakan-tindakan kebijaksanaan tersebut. Kalau Parti Komunis Indonesia merasa menguntungkan, pasti tidak mungkin akan membuat reaksi.

Misalnya :

Parti Komunis Indonesia menentang dan mengadakan reaksi terhadap Peraturan Pemerintah Nombor 6

tentang kepala daerah. Sebab merasa merugikan Parti Komunis Indonesia menentang Peraturan Pemerintah Nombor 10 tentang larangan pedagang-pedagang asing di desa-desa. Oleh kerana yang kena peraturan pemerintah itu pada umumnya orang asing Tionghua, padahal orang-orang Tionghua adalah warganegara Republik Rakyat Tiongkok, negara Komunis, maka sebagai Organisasi Komunis, Parti Komunis Indonesia merasa dirinya harus solidir dan membela. Parti Komunis Indonesia membela orang-orang asing Tionghua yang kena Peraturan Pemerintah Nombor 10. Apakah nasional? Tidak, bukan? Justeru nasional.

Padahal Peraturan Pemerintah 10 ini demi kepentingan nasional untuk memperbaiki ekonomi nasional. Bahawa dalam pelaksanaan permulaan akan terjadi kesulitan-kesulitan dan kekeliruan, adalah logik. XXXX³ komunis menentangnya.

Jadi Parti Komunis Indonesia kecelik. Dikiranya Bung Karno memihak pada dirinya dan dalam kebijaksanaannya menguntungkan kaum Komunis, tetapi ternyata tidak demikian, maka Parti Komunis Indonesia mengadakan reaksi. Adapun reaksi yang terakhir adalah pernyataan yang dikeluarkan oleh C.C. Parti Komunis Indonesia tentang penilaian setahun kabinet kerja. Isi dan jiwa pernyataan tersebut tidak menguntungkan kepentingan nasional. Terutama kabinet sendiri. Sebab dinilai lewat kaca mata komunis. Bukan lewat kaca mata nasional. Kerana kekecewaan dan kecelik Parti Komunis Indonesia yang tidak nurani menghadapi reaksi masa,

³ Perkataan tidak jelas maksudnya: (عين توخ)

bila berhadapan dengan Bung Karno pemimpin besar negara dan bangsa Indonesia, memilih menghadapi bilid⁴ sementara Menteri Kabinet Kerja. Tetapi Parti Komunis Indonesia lupa, bahawa kabinet sifatnya homogen, kritik atau kecaman terhadap anggota kabinet, bererti juga kritik atau kecaman terhadap seluruh kabinet, juga terhadap Perdana Menteri, dalam hal ini Presiden. Apakah orang tak boleh mengkritik dan mengkecam? Boleh. Sebab Indonesia adalah negara demokratis dan Bung Karno bukan diktator yang tidak mahu dikritik atau dikecam, tetapi asal hal itu sihat dan jujur demi kepentingan nasional. Bukan demi kepentingan golongan atau resim tertentu. Bukan demi kepentingan Komunis khusus. Sebab demi kepentingan golongan atau aliran khusus, kritik dan kecaman atau koreksi tersebut pasti tidak sihat, tidak jujur, yakni kerana untuk kepentingan golongan yang mengkritik atau mengoreksi tersebut.

“Dasar Parti Komunis Indonesia kecelik dan semakin lama semakin bertindak nasional. Dan kita XXXX Bung Karno bukan diktator!” Sekian Bung Kartawiguna mengakhiri huraianya.

Penjelasan:

Erti USDEK:


1. Undang-undang Dasar 1945
2. Sosialisme Indonesia

3. Demokrasi terpimpin
4. Ekonomi terpimpin
5. Keperibadian Indonesia

Erti manifesto politik Republik Indonesia :

iaitu haluan negara yang ditetapkan oleh pidato besar Presiden Sukarno pada sambutan 17 Ogos 1959.

Bersambung



Suatu pemandangan dalam Masjid Nabi di Madīnah

Al-Munawwarah. Gambar dengan ihsan Ma'ali Al-Syeikh Muhammad Salih Qazaz, Makkah Al-Mukarramah.

⁴ (بيليد) Tidak jelas makna perkataan ini.

⁵ XXXX Pernyataan Sarino Mangun Pranoto.